

Mozzie Wipeout ala SG50

Sempena usaha negara mencegah denggi melalui Mozzie Wipeout, apa kata adakan penutup lubang batang jemur baju berdesain SG50?



Dekor kereta

Apa kata hias seluruh kereta dengan bendera ibarat tanduk rusa dan juga logo SG50?



COE \$50 bagi 50 orang

Jangan hanya hiaskan kereta, lebih baik jika COE diberi harga \$50 dan diberikan kepada 50 warga pembeli kereta baru.



Peraduan fesyen

Kalau nak 'cantik' lagi, apa kata adakan peraduan reka fesyen dengan menggunakan SG50 sebagai tema? Atau minta pereka fesyen terkemuka Ashley Isham buatkan.

Syarikat boleh reka telefon bimbit khas untuk ulang tahun ke-50 Singapura agar satu negara boleh berhubung dengan satu sama lain secara bergaya!



IDEA-IDEA BAGI RAIKAN

SG 50

*Baru-baru ini, warga Singapura dipelawa memberikan idea bagaimana meraikan ulang tahun ke-50 Singapura tahun depan. Artis kami, **NUR 'ATIQA ANHAR** (nurba@sph.com.sg), memberikan sedikit saranannya melalui grafik berikut.*

50 barang

Untuk menggalakkan generasi muda agar turut serta dalam SG50, anjurkan peraduan melalui media sosial di mana mereka mengambil gambar 50 barang yang mewakili budaya hidup warga Singapura.

Pek kereta api SG50

Sebagaimana ada pek untuk Perbarisan Hari Kebangsaan, pek khas diberikan kepada warga yang terkandas jika kereta api rosak. Pek itu akan mengandungi perkakas seperti lampu picit dan sebotol air.



Edisi khas topeng N95

Kalau jerebu muncul lagi, usah bimbang! Adakan topeng penapis udara dengan reka bentuk khas SG50 ini!



Duit syiling SG50

Adakan duit syiling edisi khas SG50. Kalau dikumpul, sedikit-sedikit lama-lama jadi bukit!